

## PENGGUNAAN KAEDEH FONIK DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN BACAAN AWAL KANAK-KANAK PRASEKOLAH

SHARIPAH AMALHAYATY BINTI SYED AHMAD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS )

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan Kaedah Fonik dalam kemahiran bacaan awal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kaedah kuasi-eksperimental digunakan dalam kajian ini dengan setiap kumpulan rawatan dan kawalan masing-masing terdiri daripada 50 orang kanak-kanak prasekolah. Kumpulan rawatan menggunakan Kaedah Fonik manakala kumpulan kawalan menggunakan Kaedah Abjad. Dapatkan kajian menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan bagi pencapaian kemahiran mengeja perkataan dan kemahiran membaca ayat mudah bahasa Melayu bagi kumpulan rawatan. Penggunaan Kaedah Fonik sebagai kaedah pengajaran adalah sesuai digunakan untuk membantu kemahiran mengeja perkataan dan kemahiran membaca ayat mudah bahasa Melayu bagi kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini. Kaedah Fonik memberi impak positif dan sesuai diguna pakai sebagai kaedah pilihan kepada kanak-kanak prasekolah dalam usaha meningkatkan kemahiran bacaan awal bahasa Melayu di kelas prasekolah.

## THE USE OF PHONIC METHOD IN THE MALAY LANGUAGE EARLY READING SKILLS AMONG PRESCHOOLERS

### ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the effectiveness of using Phonic Method among preschoolers in the Malay Language early reading skills. The study uses quantitative research design through a quasi-experimental method. Both the experimental and control groups consist of 50 preschoolers. The experimental group use Phonic Method, while the control group use Alphabetic Method as teaching method. The independent samples t-test analyses reveal a significant difference of the early reading skills between the experimental and control groups. The Phonic Method is suitable to enhance achievement of spelling words and reading simple sentences for preschoolers. Phonic method gives a positive impact and it is suitable to use an alternative method to improve and subsequently increase Malay Language early reading skills.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	ix
--------------------------	----

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Hipotesis	15
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Definisi Istilah	17
1.9.1	Kaedah Fonik	17

1.9.2	Kaedah Abjad	17
1.9.3	Bacaan Awal	18
1.9.4	Kemahiran Mengeja Perkataan	19
1.9.5	Kemahiran Membaca Ayat Mudah	19
1.9.6	Kelancaran	19
1.9.7	Kanak-kanak Prasekolah	20

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Bahasa dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	25
2.3	Kaedah Fonik dalam Bacaan Awal Kanak-Kanak	26
2.4	<b>Teori-teori berkaitan</b>	30
2.4.1	Teori Behavioris	30
2.4.2	Model Kemahiran Membaca	34
2.5	Kerangka Teori dan Kerangka Kajian	37
2.6	Kajian-kajian lepas	40
2.6.1	Kepentingan Membaca	40
2.6.2	Kemahiran Bacaan Melalui Latih Tubi	41
2.6.3	Kemahiran Bacaan Suku Kata	41
2.6.4	Kaedah Fonik Dalam Pengajaran Membaca	46
2.6.5	Pengajaran Kaedah Fonik Secara Kumpulan Kecil	51

## 2.6.6 Pengajaran Kaedah Fonik Menggunakan

Rangsangan	52
------------	----

2.6.7 Kelancaran Bacaan Kanak-Kanak	55
-------------------------------------	----

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	58
----------------	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	59
------------------------	----

3.2.1 Pemboleh Ubah Bebas	59
---------------------------	----

3.2.2 Pemboleh Ubah Bersandar	60
-------------------------------	----

3.3 Instrumen Kajian	60
----------------------	----

3.3.1 Ujian Kemahiran Bacaan Awal	61
-----------------------------------	----

3.3.2 Kaedah Penilaian Kelancaran Pembacaan	64
---	----

3.4 Populasi dan Sampel	66
-------------------------	----

3.5 Prosedur Kajian	69
---------------------	----

3.5.1 Rajah Prosedur Kajian	69
-----------------------------	----

3.6 Pentadbiran Instrumen	74
---------------------------	----

3.7 Alat Pengukuran	74
---------------------	----

3.8 Analisis Data	76
-------------------	----

3.8.1 Ujian T ( <i>Independent Samples T Test</i> )	77
---	----

3.9 Kajian Rintis	77
-------------------	----

3.10 Kesahan Instrumen	78
------------------------	----

## BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Demografi Sampel Kajian	81
4.3	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Perkataan bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	
4.3.1	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Suku Kata Terbuka antara Kumpulan Rawatan dan Kawalan	83
4.3.2	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Suku Kata Tertutup antara Kumpulan Rawatan dan Kawalan	87
4.3.3	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja perkataan bahasa Melayu antara kumpulan Rawatan dan Kawalan	87
4.4	Perbezaan Pencapaian Kemahiran Bacaan Ayat Mudah antara Kumpulan Rawatan dan Kawalan	90
4.4.1	Kemahiran Bacaan dan Kefasihan Berdasarkan Tahap Kelancaran	93
4.5	Rumusan	95

## BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

5.1 Pengenalan	97
5.2 Perbincangan dan Dapatan Kajian	98
5.2.1 Pencapaian Kemahiran Mengeja Perkataan bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan Yang Menggunakan Kaedah Fonik dengan Kumpulan Kawalan Yang Menggunakan Kaedah Abjad	99
5.2.2 Pencapaian Kemahiran Bacaan Ayat Mudah bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan Yang Menggunakan Kaedah Fonik dengan Kumpulan Kawalan Yang Menggunakan Kaedah Abjad	100
5.2.3 Kemahiran Bacaan dan Kefasihan Berdasarkan Tahap Kelancaran	107
5.2.4 Rumusan	108
5.3 Cadangan Kajian Akan Datang	110
5.4 Implikasi	111
5.5 Penutup	113
<b>RUJUKAN</b>	116
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Laporan Kelemahan Aspek Penggunaan Bacaan Kanak-Kanak Tahun Satu	12
3.1 Perincian Sampel Kajian Kumpulan Rawatan dan Kawalan	67
3.2 Kandungan Kemahiran Membaca (Aktiviti Pembelajaran )	73
3.3 Bahagian Ujian dan Skor Kemahiran Bacaan Awal	75
4.1 Analisis Demografi Sampel Kajian	81
4.2 Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Suku Kata Terbuka antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	83
4.3 Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Suku Kata Tertutup antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	85
4.4 Perbezaan Pencapaian Kemahiran Mengeja Perkataan bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	87
4.5 Ujian T ( <i>Independent Samples T Test</i> ) Kemahiran Mengeja Perkataan bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	89
4.6 Perbezaan Pencapaian Kemahiran Bacaan Ayat Mudah antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	90
4.7 Ujian T ( <i>Independent Samples T Test</i> ) Kemahiran Membaca Ayat Mudah bahasa Melayu antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	92
4.8 Kemahiran Bacaan dan Kefasihan berdasarkan Tahap Kelancaran	93

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model Bawah Ke Atas	35
2.2 Kerangka Teori	38
2.3 Kerangka Kajian	39
3.1 Rajah Prosedur Kajian	72

## SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KV	Konsonan Vokal
KVK	Konsonan Vokal Konsonan
KVKV	Konsonan Vokal Konsonan Vokal
KVKVK	Konsonan Vokal Konsonan Vokal Konsonan

NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	The Statistical Package for the Social Science
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
VKV	Vokal Konsonan Vokal

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat digunakan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka (Tamam, Zamri, Nik Mohd Rahimi dan Jamaludin, 2010). Membaca adalah salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak supaya mereka dapat mencapai kemajuan dalam pelajaran dan juga kehidupan mereka. Pelbagai kaedah diguna pakai oleh para pendidik dalam mengajar kanak-kanak menguasai kemahiran membaca. Naimah Yusoff (2005) menegaskan kanak-kanak pada peringkat asas belajar membaca, perlu diajar dengan kaedah yang menyeronokkan, mengikut kesesuaian dan minat mereka bukannya secara paksaan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kepelbagaiannya kaedah dan pendekatan memberi peluang kepada kanak-kanak yang berbeza kecerdasan untuk belajar membaca mengikut kesesuaian masing-masing. Kajian ini menfokuskan penggunaan Kaedah Fonik dalam pengajaran kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah. Pengalaman pembelajaran di kelas prasekolah yang menggembirakan dapat menyuntik perspektif positif kepada kanak-kanak sebagai persediaan untuk memasuki alam pendidikan formal dan mengharungi cabaran dalam arus pendidikan sepanjang hayat. Menurut Rohani, Nani Menon dan Mohd. Sharani (2003), pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak pada peringkat awal akan mempengaruhi keseluruhan perkembangan pembelajaran seperti fizikal, intelek, bahasa, sosial, emosi dan nilai.



05-

Ardiah dan Maszurimah (2012), berpendapat kemahiran membaca menjadi titik tolak

terpenting dalam kehidupan kanak-kanak kerana membaca adalah asas kepada penguasaan kognitif dan persekitaran kehidupan manusia. Kemahiran membaca merupakan antara salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah sebelum melangkah ke alam pendidikan yang lebih tinggi. Manakala Yahya, Aisah, Azmey, Dk. Siti Ardiah dan Maszuraimah (2012), menegaskan kemahiran membaca yang dikuasai di sekolah membantu kanak-kanak membaca dengan berkesan.

Oleh itu, bahasa pertuturan sehari-hari, kaedah, pendekatan dan persekitaran merupakan elemen penting yang saling melengkapi dalam membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca kanak-kanak pada peringkat awal. Guru berperanan

penting dalam usaha membantu meningkatkan kemahiran bacaan awal kanak-kanak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Guru perlu mahir dan faham kehendak kurikulum, proses belajar dan mengajar membaca, kepelbaaan pendekatan dan kaedah pengajaran bagi membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan awal. Kesesuaian kaedah dan pendekatan mampu membuka peluang kepada kanak-kanak untuk lebih berminat belajar membaca. Maka, untuk kajian ini penyelidik menggunakan Kaedah Fonik dalam pengajaran bacaan awal kepada kanak-kanak prasekolah.

## 1.2 Latar belakang

Pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan program pendidikan prasekolah bagi



membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki

persekolahan lebih awal, terutamanya kanak-kanak daripada golongan berpendapatan rendah. Kepentingan pendidikan prasekolah sebagai permulaan kepada kanak-kanak menuju ke alam persekolahan telah banyak didokumentasikan. Menyedari kepentingan pendidikan prasekolah dalam konteks keperluan untuk negara kita dalam meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah, maka pendidikan prasekolah tersenarai sebagai salah satu fokus utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Aspirasi NKRA pendidikan ialah memberi penekanan kepada peningkatan pencapaian kanak-kanak secara menyeluruh meliputi aspek intelektual, emosi, rohani dan jasmani bagi menaikkan imej sistem pendidikan negara. Peningkatan pencapaian kanak-kanak pada semua peringkat penting dalam membangunkan modal insan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

cererlang bagi menghasilkan tenaga kerja mahir supaya hasrat menjadi negara membangun menjelang tahun 2020 tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Kementerian Pendidikan Malaysia turut melaksanakan transformasi kurikulum bagi memastikan modal insan yang dihasilkan memenuhi permintaan dan keperluan negara untuk mencapai negara maju menjelang 2020. Transformasi kurikulum memberi penekanan kepada aspek penguasaan bahasa khususnya bahasa Malaysia dan Inggeris tanpa meminggirkan bahasa ibunda masing-masing. Penambahbaikan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ini merupakan satu inisiatif kementerian dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Menyedari bahawa perkembangan dan pertumbuhan yang pesat berlaku dalam diri individu kanak-kanak dari usia empat ke enam tahun, maka kanak-kanak telah diberi ruang dan peluang untuk mengikuti pendidikan prasekolah setelah pendidikan prasekolah dimasukkan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menelusuri arus globalisasi dan sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini, kurikulum prasekolah telah ditingkatkan kandungannya dengan terhasilnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pada tahun 2010. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah diguna pakai di semua prasekolah kerajaan dan swasta. Menurut sumber Kementerian Pendidikan Malaysia (2010, dalam Naimah Yusoff *et al.*, 2011), KSPK digubal berdasarkan reka bentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular, dan berkisar kepada enam Tunjang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pembelajaran yang mempunyai kesinambungan dengan peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Enam Tunjang Pembelajaran tersebut memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam bidang utama iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Sains dan Teknologi; Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Perkembangan Keterampilan Diri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Tunjang pembelajaran yang diperkenalkan bagi menyokong perkembangan bahasa kanak-kanak ialah Tunjang Komunikasi yang berfokuskan kepada Kemahiran Bahasa dan Seni Bahasa. Kemahiran Bahasa merangkumi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Secara praktiknya modul asas



05-KSPK bertujuan untuk penguasaan literasi awal 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul).

Selaras dengan keperluan dan kehendak semasa serta bagi memenuhi aspirasi NKRA dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan wajarlah kemahiran bacaan diberi fokus utama dalam memacu potensi diri kanak-kanak prasekolah. Penekanan kepada penguasaan kemahiran membaca akan memberi impak kepada pembentukan modal insan yang akan membesar menjadi generasi pewaris negara pada masa hadapan. Pelbagai pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran kemahiran bacaan. Fokus utama kajian ini adalah berkaitan penggunaan Kaedah Fonik dalam pengajaran bacaan awal kanak-kanak prasekolah yang bertujuan untuk mengurangkan kadar ketidak boleh bacaan kanak-kanak apabila mereka melangkah ke tahun satu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kemahiran membaca merupakan salah satu aspek yang diberikan tumpuan utama melalui Tunjang Komunikasi yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 dan perlu dikuasai oleh kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke alam pendidikan formal. Khairuddin Mohamad (2011), menegaskan kemampuan kanak-kanak membaca dan memahami sesuatu bahan sangat berkait dengan kejayaan dan keberkesanan sistem pendidikan kita masa kini. Mohd Sofee (2007, dalam Tamam Timbang, Zamri, Nik Mohd. Rahimi dan Jamaludin 2010), berpendapat isu membaca tidak pernah lapuk untuk diperkatakan biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelumang dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan.



dalam Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan. Sebanyak 93 peratus rakyat Malaysia celik huruf namun begitu negara masih berdepan dengan masalah literasi apabila pada tahun 2008 terdapat 13 peratus daripada enrolmen murid tahun satu belum menguasai kemahiran literasi (Khairuddin Mohamad, 2011).

Kaedah pengajaran dan pembelajaran membaca kanak-kanak kini perlu berubah pada sistem ejaan suku kata kepada sistem bacaan secara fonetik. Kaedah ini digunakan kerana strategi pengajarannya yang lebih dinamik berbanding sistem kaedah membaca secara tradisional. Menurut Husin Fateh , Nazariyah, Mastura dan Siti Hajar (2011), Kaedah Fonik hanya mensyaratkan kanak-kanak mengenal serta mengingat bunyi 26 vokal dan konsonan Melayu tetapi berbeza dengan kaedah suku kata yang memerlukan kanak-kanak mengenal berpuluhan-puluhan pola suku kata yang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sangat membebankan mereka. Pengajaran membaca menggunakan kaedah tradisional dikesan mengambil masa yang lama bagi membolehkan kanak-kanak mahir dan menguasai kemahiran membaca. Kaedah Fonik sebenarnya telah lama dipraktikkan di negara-negara maju dan kaedah ini memfokuskan kepada bunyi simbol huruf, berbeza dengan kaedah tradisional yang menekankan teknik penghafalan nama huruf. Kaedah ini sedikit sebanyak mengurangkan beban kanak-kanak untuk menghafal.

Bagi menangani permasalahan penguasaan aspek kemahiran membaca, pelbagai kaedah dan pendekatan yang diguna pakai oleh pendidik sebagai medium untuk memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak. Menurut Adisson dan Hamilton (2004, dalam Naimah Yusoff *et al.*, 2011) kaedah merupakan satu peraturan secara



05



tradisional dari awal hingga selesai aktiviti pengajaran. Kaedah merupakan langkah

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

merupakan



pelaksanaan sesuatu aktiviti pengajaran yang disusun secara sistematik bagi mencapai sesuatu objektif (Naimah Yusoff *et al.*, 2011). Kaedah mengajar yang sesuai perlu dilaksanakan oleh guru agar kemahiran bacaan yang bakal dikuasai oleh kanak-kanak berlaku dengan mudah dan berkesan. Yahya Othman *et al.*, (2012) menyatakan untuk mencapai matlamat meningkatkan kemahiran bacaan kanak-kanak, kaedah mengajar yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar proses penguasaan kemahiran tersebut dapat berlaku dengan mudah dan berkesan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Oleh itu, dalam merealisasikan penguasaan kemahiran bacaan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah antara kaedah yang boleh digunakan adalah kaedah keseluruhan perkataan, Kaedah Abjad, Kaedah Fonik, kaedah gabungan bunyi kata dan lain-lain lagi. Namun begitu keberkesanan penggunaan kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas masih lagi menjadi pertikaian. Menurut Naimah Yusoff *et al.*, (2011) pertikaian idea dalam kalangan ahli akademik yang masih lagi mencari kaedah membaca yang berkesan untuk kanak-kanak pada peringkat awal ini belajar kemahiran membaca.

Masalah yang dikenal pasti berdasarkan pengalaman penyelidik adalah kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru prasekolah untuk mengajar membaca adalah kaedah yang menjurus kepada hafalan. Sebagaimana yang disimpulkan oleh Naimah Yusoff *et al.*, (2011), iaitu kebanyakannya kaedah yang digunakan di sekolah pada hari ini adalah berasaskan kepada Teori Behavioris yang mengutamakan hafalan dan ingatan.

Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran yang tepat dan menjurus kepada keperluan mengikut tahap umur kanak-kanak prasekolah perlu dikenal pasti. Perkara ini amat penting bagi mengenal pasti dan memahami masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dan keperluan mereka dalam proses belajar membaca. Dengan itu, pihak ibu bapa dan sekolah dapat menangani permasalahan yang dihadapi dan membantu mencari jalan penyelesaiannya. Kajian kuasi-eksperimental ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah Fonik dalam mempertingkatkan kemahiran bacaan awal kanak-kanak prasekolah yang terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai pelbagai kecerdasan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.3 Pernyataan masalah

Masalah penguasaan aspek bacaan awal menjadi penyebab utama keciciran dalam pelajaran. Ketidakupayaan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca akan menyumbang kepada masalah keciciran (Unit Rendah, Bahagian Sekolah Rendah, 2006). Asasnya adalah kelemahan dalam mengeja perkataan dan membaca ayat mudah pada peringkat awal membaca berlarutan kepada kelemahan menguasai aspek membaca untuk tahap seterusnya. Dengan itu, terdapat dua isu utama berkaitan dengan penguasaan kemahiran membaca peringkat awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang merupakan pernyataan masalah kepada kajian ini, iaitu kelemahan dalam mengeja perkataan dan membaca ayat mudah bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Laporan akhbar The New Straits Times bertarikh 23 September 2006 menunjukkan seramai 163,835 orang kanak-kanak tahun satu tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Keputusan ujian saringan menunjukkan 57.5% sahaja yang melepassi ujian tersebut manakala 42.5% lagi kanak-kanak berada pada tahap tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Walaupun kenyataan akhbar yang melaporkan berita ini bersifat umum, sesungguhnya data ini menunjukkan wujud masalah penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan kanak-kanak di negara kita.

Seterusnya pada 12 September 2009, akhbar *Berita Harian Online* menyiarkan berita berkenaan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti sejumlah 85,000 orang kanak-kanak tahun satu masih belum menguasai kemahiran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



membaca dan menulis. Masalah membaca menjadi isu besar dan berlarutan sehingga pada 15 Februari 2010 akhbar Utusan Malaysia turut melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membuat pendedahan sejumlah 60 peratus murid tahap satu di seluruh negara masih belum menguasai kemahiran asas membaca. Hal ini membimbangkan semua pihak kerana kemahiran bacaan adalah kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dalam menelusuri dunia pendidikan.

Dapatan dari Laporan Data Linus Daerah Pendang untuk tahun 2013 menunjukkan penguasaan tahap literasi Bahasa Malaysia bagi kanak-kanak tahun satu adalah 64.14%. Jumlah keseluruhan kanak-kanak tahun satu untuk sesi 2013 dalam daerah Pendang adalah seramai 1595 orang, dari jumlah tersebut seramai 572 orang



atau 35.86% kanak-kanak masih berada pada tahap tidak menguasai kemahiran bacaan. Dapatan ini menunjukkan masih terdapat ramai lagi kanak-kanak yang tidak menguasai kemahiran bacaan asas sedangkan kemahiran membaca sangat penting dikuasai oleh kanak-kanak kerana melalui pembacaan mereka dapat meningkatkan pencapaian dalam pelajaran, meluaskan pengetahuan serta mengumpul maklumat yang diperlukan dengan penguasaan bacaan.

Kedua-dua isu ini penting kerana pada kebiasaannya kegagalan kanak-kanak menguasai kemahiran asas membaca membawa kepada gangguan kepada penguasaan kemahiran membaca seterusnya. Menurut Raminah dan Rahim (1985, dalam Husin Fateh *et al.*, 2011) membaca adalah gabungan beberapa kemahiran iaitu kemahiran penglihatan yang didiskrimatif (mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf), kemahiran mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

jelas, menyebut bunyi-bunyi yang dilambangkan oleh huruf, menggabungkan penyebutan bunyi-bunyi tersebut membentuk perkataan. Kajian tindakan berkaitan kemahiran membaca oleh Aspalaila dan Maslinda (2006) menegaskan kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam, menyebut huruf, membunyikan suku kata dan perkataan yang bermakna seterusnya adunan bunyi-bunyi fonem ini membentuk pelbagai perkataan yang mempunyai makna dalam bahasa Melayu. Jelaslah pernyataan-pernyataan di atas menggambarkan bahawa kemahiran membaca perlu dikuasai oleh kanak-kanak mengikut pemeringkatan daripada asas mengecam huruf-huruf serta bunyi huruf seterusnya suku kata dan membentuk perkataan.



05

Isu kelemahan aspek bacaan awal kanak-kanak menjadi masalah utama apabila kanak-kanak melangkah ke tahun satu. Berikut adalah perincian daripada kenyataan-kenyataan siakhbar dan dapatan dari beberapa sumber yang menunjukkan kelemahan penguasaan aspek membaca kanak-kanak apabila mereka berada di tahun satu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### Jadual 1.1

#### *Laporan Kelemahan Aspek Penguasaan Bacaan Kanak-Kanak Tahun Satu*

TAHUN	LAPORAN	SUMBER
2006	163,835 kanak-kanak Tahun 1 tidak kuasai kemahiran membaca dan menulis.	New Straits Times
2008	13 % enrolmen murid Tahun 1 belum kuasai kemahiran literasi.	Khairuddin Mohamad
2009	Kementerian Pendidikan Malaysia mengenal pasti 85, 000 kanak-kanak Tahun 1 belum kuasai kemahiran membaca dan menulis.	Berita Harian Online
2010	Timbalan Perdana Menteri mendedah sejumlah 60 % kanak-kanak Tahun 1 seluruh negara belum kuasai kemahiran asas membaca.	Utusan Malaysia
2013	Sejumlah 1595 orang kanak-kanak Tahun 1 572 orang atau 35.86% tidak kuasai kemahiran bacaan. (Saringan 1)	Unit LINUS PPD Pendang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 digubal dan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada peningkatan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah supaya mereka mampu mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan di sekolah rendah yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar apabila tamat pembelajaran di peringkat prasekolah. Kegagalan menguasai kemahiran membaca pada peringkat asas akan menjelaskan prestasi pencapaian murid dalam semua mata pelajaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Menurut Mahzan Arshad (2003, dan Yahya Othman, 2008 dalam Tamam Timbang *et al.*, 2010), kajian berkaitan proses membaca penting kerana dapat membantu kanak-kanak meneroka cabang ilmu yang luas. Kemahiran membaca merupakan jalan keluar kepada kejayaan pendidikan yang lebih tinggi dan kejayaan pendidikan seseorang individu (Abdul Rashid, 2011). Penyelidikan berkaitan dengan aspek membaca mencerminkan wujudnya kesedaran untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya ilmu yang perlu dikekalkan.

Sebagai rumusannya, pengajaran menggunakan Kaedah Fonik telah dipilih dalam mengajar kemahiran membaca untuk kanak-kanak prasekolah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca aspek mengeja perkataan dan bacaan ayat mudah kepada kanak-kanak prasekolah. Kajian yang menggunakan kaedah kuasi-



eksperimental telah dipilih memandangkan penyelidik ingin melihat dua kumpulan kanak-kanak iaitu kumpulan rawatan yang menggunakan Kaedah Fonik dan kumpulan kawalan yang menggunakan Kaedah Abjad. Kepelbagaiannya pendekatan dan kaedah yang digunakan diharap mampu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak di samping dapat memupuk minat suka membaca dalam diri kanak-kanak.

